



**DR ISMAIL** (baju putih) menyampaikan cenderamata kepada Sawang sambil diperhatikan pemain UMSKAL dan KML di Dewan KML, baru-baru ini. *UB 4.7.2014 A14*

## UMSKAL uji pemain badminton KML

**LABUAN:** Pasukan badminton Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) mengadakan perlawanan persahabatan dengan Kolej Matrikulasi Labuan (KML), baru-baru ini.

Dalam perlawanan yang diadakan di Dewan Mutiara KML itu, kedua-dua pasukan yang dibarisi kakitangan, pensyarah dan pelajar berjaya menunjukkan mutu

permainan yang menarik.

Pengarah UMSKAL, Prof. Madya Dr. Ismail Ali berkata, perlawanan itu diadakan untuk menguji kekuatan anak buahnya sebagai persiapan menghadapi pelbagai pertandingan sama ada di peringkat UMS mahupun Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Selain itu, beliau yang mewakili Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr.

Mohd Harun Abdullah mahu mengeratkan lagi hubungan persahabatan antara kedua-dua pihak di samping jalinan kerjasama dalam bidang akademik, kokurikulum dan hal ehwal pelajar.

“UMSKAL sebagai satu-satunya yang tunggal di Wilayah Persekutuan Labuan sentiasa mengalukan jalinan kerjasama dengan jabatan dan agensi kerajaan, sektor swasta dan

badan bukannya kerajaan (NGO) untuk manfaat organisasi dan warga kerja serta mahasiswa,” katanya.

Dr Ismail berharap melalui perlawanan sukan seperti itu, nama UMSKAL akan lebih dikenali oleh warga tempatan termasuk pelajar KML yang bakal melanjutkan pengajian tinggi mereka ke UMS.

Pasukan KML diketuai sendiri Pengarahnya, Sawang Amit.